



Penyelarasan proses kerja statistik tumpuan mesyuarat majlis tertinggi statistik dan data negara

17-07- 2023 08:05 PM

KUALA LUMPUR: Penyelarasan proses kerja statistik merentas aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar bagi tujuan mencapai matlamat pembangunan di peringkat negara dan Matlamat Pembangunan Mampan, antara tumpuan Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik Dan Data Negara Bilangan 1 Tahun 2023.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof (gambar) menerusi hantaran di Facebook rasmi beliau memaklumkan mesyuarat berkenaan yang dipengeruskannya di Bangunan Perdana Putra hari ini antara lain memberi tumpuan kepada pelbagai aspek tadbir urus.

“Ini termasuk pelaksanaan dasar dan strategi yang berkesan untuk menyelaras maklumat di peringkat nasional untuk kedua-dua sektor awam dan swasta, serta penyaluran data terkini,” menurut hantaran itu.

Turut hadir di mesyuarat itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamad Hasan, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Nik Nazmi Nik Ahmad dan Menteri di Pejabat Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) Datuk Armizan Mohd Ali.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin dan Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad. -Bernama